

AL-HIKMAH

Jilid	13	ISSN 1985-6822	2021
No.	1		1443

- NILAI-NILAI MURNI DALAM KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH MUALIM ...3-20
Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham & Ummu Maisaroh Budiyono
- PENDEKATAN ZIKIR *AL-MUNFARID* DALAM MENANGANI TEKANAN KETIKA PANDEMIK COVID-19 ...21-42
Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Norhana Ahad, Khairul Azhar Meerangani, Mohd Farhan Md Ariffin & Izzah Nur Aida Zur Raffar
- PERANAN GURU PENGAJIAN TURATH DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR DI PONDOK ...43-71
Nazneen Ismail, Norhana Ahad, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin
- FAKTOR PERSEKITARAN SOSIAL DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI HAMKA (1908-1981) MENURUT AUTOBIOGRAFI KENANG-KENANGAN HIDUP (1951)...72-96
Zahiruddin Zabidi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah

Faktor Persekitaran Sosial dalam Pembentukan Jati Diri HAMKA (1908-1981) Menurut Autobiografi Kenang-kenangan Hidup (1951)

Social Environment Factors in the Formation of HAMKA Identity
(1908-1981) According To Autobiography
Kenang-kenangan Hidup (1951)

* ZAHIRUDDIN ZABIDI
WAN NASYRUDIN WAN ABDULLAH

ABSTRAK

Kenang-kenangan Hidup (1951) merupakan sebuah autobiografi tulisan HAMKA. Karya ini diterbitkan dalam empat jilid mewakili empat fasa kehidupan HAMKA sekali gus empat fasa sejarah Indonesia sebelum dan selepas merdeka. Dalam proses pembentukan jati diri HAMKA, beliau menggambarkan dengan baik faktor-faktor pengaruh persekitaran sosial dalam autobiografi tersebut. Penting untuk diketahui bahawa, di sebalik kehebatan seorang tokoh mereka pernah melalui persekitaran sosial yang signifikan dengan kedudukan mereka kemudiannya, namun persekitaran tersebut tidak hanya satu wajah sahaja melainkan agak rencam dan pelbagai. Kajian ini mahu menjelaskan faktor-faktor sosial bersifat kemanusiaan dan bukan kemanusiaan yang paling mempengaruhi pembentukan jati diri HAMKA menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan berdasarkan teks autobiografi tersebut. Kajian mendapati pengaruh persekitaran sosial kemanusiaan daripada bapa, guru dan masyarakat serta pengaruh persekitaran sosial bukan kemanusiaan berbentuk media cetak berbentuk buku, akhbar dan majalah adalah penting dalam membina jati diri HAMKA.

Kata kunci: *HAMKA, persekitaran sosial, jati diri, Kenang-Kenangan Hidup, autobiografi*

ABSTRACT

Kenang-kenangan Hidup (1951) is an autobiography written by HAMKA, it is published in four volumes representing the four phases of HAMKA's life and the four phases of Indonesian history before and after independence. In the process of forming HAMKA's identity, he describes well the influencing factors of the social environment in the autobiography. It is important to know that, despite the greatness of a figure they once went through a significant social environment with

their later position, yet the environment is not just one face but quite complex and diverse. This study wants to explain the social factors of humanitarian and non-human nature that most influence HAMKA using a qualitative approach with content analysis design based on the autobiographical text. The study found that the influence of the human social environment from fathers, teachers and society as well as the influence of non-human social environment in the form of print media in the form of books, newspapers and magazines are significant in building the identity of HAMKA.

Keywords: *HAMKA, social environment, identity, Kenang-Kenangan Hidup, autobiography*

PENDAHULUAN

HAMKA atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik bin Abdul Karim bin Amrullah (1908-1981) ialah seorang tokoh ulama Islam yang berpengetahuan luas dan tidak asing lagi bagi umat Islam di Nusantara. Jati diri HAMKA dapat dikesan melalui penulisan-penulisan beliau dan tulisan orang lain tentang beliau, selain daripada itu sejarah mencatatkan bagaimana beliau sanggup melepaskan jawatan tertinggi dalam Majlis Ulama Indonesia (MUI) yang beliau tubuhkan sendiri semata-mata untuk mempertahankan fatwanya tentang sambutan Hari Natal (H. Shobahussurur et al. 2008: 78-86).

Sehingga kini, karya-karya HAMKA masih lagi dikaji di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah di universiti rumpun Nusantara malah di negara Barat. Saban tahun pula, seminar-seminar berkaitan HAMKA kerap dianjurkan di Malaysia dan Indonesia selain penerbitan semula karya-karya beliau melalui penerbit seperti Republika dan Gema Insani dari Indonesia serta PTS Publishing House dan Jejak Tarbiah dari Malaysia. Selain daripada itu, carian di YouTube juga memperlihatkan kandungan berkaitan dengan HAMKA juga didapati semakin bertambah saban tahun (Afif HAMKA & Akmal Sjafril 2020).

Di sebalik personaliti dan keperibadian yang membentuk jati diri seseorang tokoh ketika mereka sudah dewasa semestinya ada peranan individu atau faktor-faktor yang pelbagai. Kehidupan zaman kanak-kanak tidak terkecuali daripada membentuk latar belakang jati diri tersebut, sebagaimana Sayyid Qutb (1906-1966) yang menulis pengalaman kanak-kanaknya dalam karya berjudul *al-Ṭifl min al-Qaryah* (Mardhiyah & Nurazan 2016: 106-115). Selepas zaman kanak-kanak, zaman remaja ialah zaman yang paling kritikal dalam menentukan perjalanan hidup seseorang insan. Persekitaran sosial yang dilalui oleh para remaja akan menjadi sejarah yang terpahat lama dalam kehidupan seorang insan. Pada peringkat

ini para remaja sangat mudah terpengaruh dengan sesuatu yang mereka rasakan seronok untuk dilakukan, pengaruh tersebut lebih mudah meresap jika datang daripada rakan sebaya ketika mereka luar pengawasan ibu bapa (Nurzatil & Zulkifli 2018: 219-220)


Faktor-faktor persekitaran sosial boleh mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan. Antara persekitaran sosial yang penting dalam kehidupan seorang insan adalah zaman kanak-kanak, remaja dan awal dewasa mereka. Ketika melalui zaman kanak-kanak dan remaja tersebut pengaruh persekitaran sosial yang berbentuk elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau juga elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka (Azhar 2006 dalam Zakaria, Ahmad Munawar & Noraizah 2012: 155).

Jati diri bermaksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa sama ada dari segi adat dan bahasa. Antara kepentingan kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor persekitaran sosial yang mempengaruhi dan membentuk jati diri HAMKA berdasarkan Buku Pertama daripada empat buku autobiografi beliau yang berjudul Kenang-kenangan Hidup (1951). Buku ini adalah autobiografi HAMKA yang masih lagi diulang cetak pada hari ini di Indonesia dan Malaysia.

PENGARUH PERSEKITARAN SOSIAL

Jati diri bermaksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa sama ada dari segi adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, bangsa dan seumpamanya (Kamus Dewasa Edisi Keempat 2015), manakala persekitaran sosial dalam konteks penulisan ini pula bermaksud suasana di sekeliling seseorang tokoh yang melibatkan interaksi dan pergaulan langsung dan tidak langsung beliau dengan ahli keluarga dan masyarakat sekeliling pelbagai peringkat yang akhirnya meninggalkan kesan serta pengaruh terhadap jati diri mereka.

Persekitaran pembesaran yang baik perlu bagi membentuk akhlak yang baik, manakala akhlak yang baik akan lahir daripada diri seseorang dengan sendirinya hasil daripada pengamatan mereka kepada faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi tabiat hidup mereka (Ibn Khaldun 2002).



Rajah 1.0: Ibn Khaldun (2002)

Muhammad Abu Quasem (1975 dalam Zakaria, Ahmad Munawar & Noraizah 2012: 156) pula menegaskan bahawa faktor pergaulan dengan orang soleh adalah salah satu kaedah pembelajaran sosial yang boleh membentuk akhlak mulia dalam diri manusia. Namun manusia boleh berbeza menurut persekitaran yang mereka berada, seseorang yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran sekali gus pendidikan yang mendorong mereka ke arah kebaikan maka mereka akan lebih berkecenderungan untuk menjadi baik dan sebaliknya jika suasana persekitaran mendorong ke arah yang tidak baik, peratusan untuk mereka juga menjadi tidak baik adalah lebih tinggi (al-Na'imy 1994 dalam Zakaria, Ahmad Munawar & Noraizah 2012: 157).

Zakaria, Ahmad Munawar & Noraizah (2012) merumuskan berdasarkan pandangan para sarjana Islam dan Barat bahawa terdapat dua elemen yang menjadi faktor yang mempengaruhi pembinaan jati diri seorang manusia iaitu elemen kemanusiaan dan elemen bukan kemanusiaan. Elemen kemanusiaan termasuklah ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya, dan masyarakat. Untuk elemen bukan kemanusiaan, media memainkan peranannya. Dalam membicarakan hal HAMKA, buku-buku yang beliau baca semasa zaman kanak-kanak, remaja dan dewasa ialah contoh elemen bukan kemanusiaan. Faktor pengaruh ibu bapa dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang masyhur:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksudnya: “Setiap anak yang dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci bersih daripada dosa), maka kedua ibu bapa merekalah yang menjadikan mereka Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Mā Qīla fī Awlād al-Mushrikīn, no. 1385)

Guru-guru merupakan ibu bapa kedua kepada anak-anak selepas ibu bapa kandung. Kedua-dua ibu bapa adalah elemen kemanusiaan yang penting dalam mempengaruhi perkembangan murid-murid mereka dari sudut fizikal, intelek, emosi dan sosial. Selain daripada itu, guru yang

penyayang dan cekap dalam pengajaran terbukti mampu melahirkan murid-murid yang berilmu, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan mandiri seterusnya muncul sebagai tokoh yang signifikan terhadap agama, bangsa dan negara (Zakaria, Ahmad Munawar & Noraizah 2012: 166; Haseena Banu 2016: 24).

Pengaruh rakan sebaya pula sangat penting dalam proses perkembangan sosial seorang kanak-kanak dan ia melibatkan interaksi sosial mereka dengan orang dari luar keluarga mereka. Ini kerana lingkungan tersebut mempunyai sub-budayanya yang tersendiri yang terdiri daripada pengaruh terhadap perkembangan intelek, sahsiah, emosi dan sosial. Jika rakan-rakan sebaya mereka majoritinya bersifat baik maka dengan mudah mereka juga akan terdidik menjadi baik, sebaliknya jika mereka bergaul dengan majoriti rakan sebaya yang bermasalah maka dengan mudah juga mereka akan terikut melakukan pelbagai masalah (Zakaria, Ahmad Munawar & Noraizah 2012: 165; Haseena Banu 2016: 25)

Masyarakat dalam konteks ini merujuk kepada kecenderungan sosiologis masyarakat itu sendiri yang membentuk satu budaya dengan norma-norma yang tersendiri. Ia menjadi undang-undang tidak bertulis yang mesti diikuti dan dipatuhi, meskipun sesetengah adat resam budaya itu ternyata tidak sesuai dengan tuntutan syarak contohnya dalam bab pewarisan harta yang menafikan hak kaum lelaki. Di sinilah muncul konflik, apabila sesetengah adat budaya terus diamalkan dan dilaksanakan meskipun jelas terdapat unsur yang bertentangan dengan Syarak. Sedangkan dalam Islam mana-mana adat resam budaya boleh diterima dengan syarat mesti tidak melangkaui ketetapan syarak. Oleh itu, beberapa adat resam budaya dan kebiasaan masyarakat perlu diubahsuai dengan bijaksana agar terus kekal sebagai sebuah warisan budaya namun dalam masa yang sama tetap mematuhi syarak.

Seterusnya untuk elemen bukan manusia iaitu media, sama ada media tradisional atau media baru juga merupakan elemen penting yang mempengaruhi perkembangan sosial manusia khususnya kanak-kanak. Melalui apa yang mereka baca, lihat dan dengar daripada media cetak mahupun elektronik mempengaruhi perkembangan kognitif, emosi dan sosial seseorang kanak-kanak. Pengaruh itu pula boleh terdiri daripada pengaruh yang positif dan boleh jadi berbentuk pengaruh yang negatif (Zakaria et al. 2012: 167; Haseena Banu 2016: 25).

Terdapat juga kajian berkaitan dengan pengaruh persekitaran sosial terhadap tingkah laku disiplin para pelajar sekolah rendah yang berumur antara 7-12 tahun juga menjadikan pelajar, guru, persekitaran dan rakan sebaya sebagai faktor pengaruh. Hasil daripada kajian tersebut mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tahap disiplin murid

dengan faktor guru dan pengajaran guru, ibu bapa dan keluarga serta faktor rakan sebaya (Haseena Banu 2016: i-ii).

Sementara faktor persekitaran sekolah mempunyai hubungan yang positif dan tidak signifikan dengan tahap disiplin. Faktor yang paling dominan mempengaruhi tahap disiplin adalah faktor keluarga berdasarkan min yang paling rendah kerana pernyataan merupakan soalan berbentuk negatif maka min rendah adalah yang terbaik. Hasil kajian tersebut mahu membantu ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran bagi menjauhi gejala salah laku dalam kalangan anak-anak mereka agar menjadi individu yang bersikap positif demi kesejahteraan masa depan mereka (Haseena Banu 2016: i-ii).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis kandungan atau juga dikenali sebagai analisis dokumen dan analisis teks terhadap autobiografi Kenang-kenangan Hidup (2009). Kerangka kajian ini adalah untuk menganalisis teks autobiografi Kenang-kenangan Hidup (1951) menggunakan elemen-elemen pengaruh daripada aspek kemanusiaan iaitu pengaruh ibu bapa, guru-guru dan rakan sebaya serta pengaruh aspek bukan kemanusiaan iaitu media dalam pembentukan jati diri HAMKA. Teks Buku Pertama daripada autobiografi Kenang-kenangan Hidup (2009) dibaca dan bahagian-bahagian yang menjustifikasikan pengaruh elemen-elemen aspek kemanusiaan dan bukan kemanusiaan sebagai elemen pengaruh persekitaran sosial dalam pembinaan jati diri HAMKA. Kaedah yang diterapkan dalam penulisan analisis ini adalah secara deskriptif dan tekstual bagi menjelaskan dan membuktikan kewujudan pengaruh-pengaruh tersebut.

KENANG-KENANGAN HIDUP (1951) SEBAGAI SEBUAH AUTOBIOGRAFI

Karya *Kenang-kenangan Hidup* adalah karya HAMKA dalam kategori autobiografi. Menurut Roosfa (2016) penulisan biografi, autobiografi, memoir, travelog dan kumpulan surat peribadi adalah beberapa bentuk penulisan dalam genre yang sama. Meskipun dalam genre yang sama iaitu menulis tentang kisah hidup seseorang individu, namun tumpuan dan bentuk bagi setiap jenis penulisan adalah berbeza. Selain daripada itu, penulis genre ini mesti mengenali dengan mendalam tokoh atau subjek yang ditulisnya.

Pada bahagian rangsang sari buku *Panduan Penulisan Memoir Autobiografi & Biografi* dinyatakan:

“Manusia yang dipilih untuk ditulis kisah kehidupannya mestilah seorang yang memiliki cerita yang unik dan menarik. Watak, perwatakan dan perjalanan hidupnya perlu dibentangkan dalam pelbagai plot dan latar, menggunakan dialog dan monolog sehingga menimbulkan pelbagai corak, warna-warni dan hiruk-pikuk dalam kehidupannya.”

(Roosfa 2016)

Biografi menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) ialah riwayat atau kisah seseorang. Biografi turut dinyatakan sebagai satu cabang sastera yang berkaitan dengan riwayat atau kisah hidup seseorang. Manakala autobiografi pula bermaksud riwayat hidup yang ditulis sendiri oleh orangnya. Perbezaan antara biografi dan autobiografi ialah biografi ditulis oleh orang lain tentang seseorang individu sama ada penulis itu diupah atau atas inisiatifnya sendiri, manakala autobiografi pula penulisnya sendiri menceritakan kisah hidup mereka untuk dibukukan dan seumpamanya.

Memoir pula lebih kepada penulisan tentang kenang-kenangan yang khusus tentang satu subjek atau momen tanpa menceritakan seluruh perjalanan hidup sebagai contoh memoir seseorang sepanjang menjawat jawatan tertentu di kementerian tertentu manakala kumpulan surat peribadi ialah usaha menghimpunkan semula surat-surat bertulisan tangan atau dalam konteks semasa e-mel tokoh tersebut dengan orang lain yang dilihat mempunyai nilai tertentu untuk dibaca oleh masyarakat sebagai contoh buku *Mahathir's Selected Letters to World Leaders* yang diterbitkan dengan pengenalan dan komentar oleh Abdullah Ahmad (2008, 2015 Vol. I; 2015 Vol. II).

Penulisan *Kenang-kenangan Hidup* (1951) diterbitkan dalam bentuk empat buah buku berasingan. Secara keseluruhan karya hebat ini mengandungi kisah-kisah HAMKA dari semenjak dilahirkan sehingga tahun 1950. Autobiografi ini diterbitkan untuk kali pertama pada tahun 1951 secara berperingkat iaitu:

- Buku Pertama: Diterbitkan oleh Gapura, Jakarta pada Februari 1951. Naskhah ini mengandungi kisah hidup HAMKA dari semenjak beliau dilahirkan sehingga ke tahun perkahwinannya dengan Siti Raham atas aturan keluarga pada tahun 21 tahun iaitu pada tanggal 5 April 1929.
- Buku Kedua: Diterbitkan oleh Gapura, Jakarta pada Februari 1951. Kandungannya terfokus kepada perjalanan hidup HAMKA sebagai seorang penulis profesional sejak tahun 1928 selepas mula serius menjadi penulis semenjak tahun 1925. Penceritaan dalam Buku Kedua ini tamat pada tahun 1941 sempena berlakunya Perang Dunia II dan

- kejatuhan Hindia Belanda di Indonesia pada tahun 1942.
- Buku Ketiga: Diterbitkan oleh Gapura, Jakarta juga pada tahun 1951. Penulisannya berkisar kehidupan zaman perang iaitu pasca kejatuhan penjajahan Hindia Belanda 1942 dan pencerobohan Jepun sehingga kekalahan mereka pada bulan Ogos 1945. Setelah itu bermulanya era revolusi Indonesia menuju kemerdekaan.
- Buku Keempat: Diterbitkan oleh Gapura, Jakarta pada bulan Mac 1952. Kisahnya bermula dari era awal revolusi sehingga bangsa Indonesia mencapai kemerdekaan mutlak pada 27 Disember 1949. Kisah dalam siri akhirnya ini dilanjurkan ke babak HAMKA dijemput ke Jakarta oleh Bung Karno selaku Presiden Republik Indonesia pada Januari 1950 atas nama tetamu dan sahabat karib.

Keempat-empat naskhah autobiografi ini kemudian diterbitkan dalam bentuk kompilasi oleh Pustaka Dini, penerbit yang beralamat di Shah Alam, Malaysia. Naskhah terbitan Pustaka Dini tersebut setebal 702 muka surat tidak termasuk halaman prelim dan diterbitkan pada tahun 2009. Naskhah tersebut digunakan sebagai rujukan dalam penulisan ini. Pada bahagian prelim naskhah tersebut tertulis: “Cetakan Pertama (Edisi Terkini): 2009”, kemudian terdapat satu pengisytiharan yang berbunyi: “Edisi ini Dipersetujui Menerusi Perjanjian Oleh: Pentadbir Pusaka Buya Hamka (Bapak Rusydi HAMKA).

LATAR BELAKANG KEPENGARANGAN HAMKA

Prof. Dr. HAMKA atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1908-1981) adalah ulama, sasterawan, budayawan, pemikir, ahli politik, pemimpin gerakan Islam, pemimpin masyarakat dan pelbagai lagi gelaran kebesaran rasmi dan tidak rasmi yang diberikan kepada beliau. Meskipun gelaran-gelaran sedemikian banyak, beliau sendiri mengakui bahawa lebih senang jika dirinya dikenali sebagai seorang pengarang (H.A. Hafizh Dasuki et al 1993: 2/75-77; HAMKA 2009; Rusydi HAMKA 2010). Secara keseluruhan, setakat yang dapat dikesan dan direkodkan sepanjang hidup HAMKA, karya karangan beliau yang diterbitkan berjumlah 103 judul (Shamsul Nizar 2008: 252). Kategori penulisan beliau boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti autobiografi, biografi, falsafah dan keilmuan Islam, adat & kemasyarakatan, kisah perjalanan (travelog), novel dan roman, sejarah/sejarah Islam, terjemahan dan karya agungnya iaitu tafsir al-Quran lengkap 30 juzuk (Shamsul Nizar 2008: 252).

Menurut senarai judul yang dinyatakan oleh bapak Rusydi HAMKA pula, jumlah karya HAMKA adalah 118 judul. Menurut beliau:

“Sejumlah 118 (seratus lapan belas) naskah yang telah dibukukan dan sebahagian tulisan beliau dalam majalah Panji Masyarakat, karangan-karangan panjang yang patut dibukukan, antara lain: “Pandangan Hidup Muslim” yang pernah dimuat dalam majalah Panji Masyarakat dan dilarang oleh Presiden Sukarno, “Dari Hati ke Hati” dan “Dakwah Islam” yang terdapat dalam majalah *Panji Masyarakat* yang terbit sekarang ini.”

(Rusydi HAMKA 2010: 389)

Daripada jumlah 103 atau 118 judul yang diterbitkan dalam pelbagai versi kini, sebahagian buku-buku yang diterbitkan tersebut adalah himpunan daripada tulisan-tulisan HAMKA dalam pelbagai majalah, kebanyakannya pula adalah majalah yang dikelola oleh beliau sendiri sebagai pengarang sekali gus pengurus antaranya majalah *Pedoman Masyarakat* (1936-1942) atau majalah-majalah yang dibantu oleh beliau seperti *Seruan Islam*, *Nibras*, *Bintang Islam*, *Suara Muhammadiyah*, *Pelita Andalas*, *Pembela Islam* dan beberapa lagi. Sebelum menjadi *hoofdredacteur* atau ketua pengarang majalah *Pedoman Masyarakat*, terlebih dahulu HAMKA beberapa kali mencuba nasib memimpin majalahnya sendiri namun sering gagal. Bermula dengan majalah *Khatibul Ummah* (1925) yang hanya bertahan sebanyak tiga keluaran, seterusnya majalah *Kemauan Zaman* (1929) hanya terbit sebanyak lima keluaran, kemudian majalah *Al-Mahdi* (1939) hanya bertahan sebanyak sembilan keluaran. Punca majalah-majalah tersebut tidak bertahan lama diperakui sendiri oleh HAMKA kerana isu modal perniagaan, langganan majalah yang tidak dibayar dan pentadbiran yang tidak sempurna (HAMKA 2009: 269).

HAMKA mula diberi kepercayaan bagi memimpin *Pedoman Masyarakat* ketika berumur hanya 28 tahun dengan gaji f.17.50 (rupiah) sebulan. Selepas dua tahun iaitu ketika beliau berusia 30 tahun (1938) lahirlah dua buah karya *phenomenal* beliau, katanya:

“Mula memimpin majalah itu pada tahun 1936, usia saya baru 28 tahun. Dalam usia 30 tahun, iaitu tahun 1938, dikarangnya “Tenggelam Kapal Van Der Wijck” di segi roman dan “Tasawuf Moden” dari segi falsafah agama. Majalah terhenti penerbitannya kerana tentera Jepun telah menyerbu pada March 1942, iaitu dalam usianya 34 tahun.”

(HAMKA 2009: 274-275)

Tidak terhenti di situ, penjajahan Jepun tidak mematahkan semangat menyampaikan pandangan dan pemikiran beliau melalui penulisan.

HAMKA cuba bangkit pada zaman penjajahan Jepun dengan menerbitkan sebuah majalah lagi bernama *Semangat Islam*. Agak malang, majalah ini tidak mampu menyaingi dan mengganti tempat *Pedoman Masyarakat* di hati para pembaca-pencinta semangat islah dalam beragama, kata HAMKA:

“Di zaman Jepun, diusahakan juga menerbitkan majalah “Semangat Islam” yang mesti diisi propaganda perang Asia Timur Raya. Namun ia tidak dapat mengambil tempat “Pedoman Masyarakat” dalam hati pembacanya di seluruh tanah air pada waktu itu. Saya tidak dapat melupakannya. Dengan dialah saya dapat mengembangkan peribadi dalam dunia karang mengarang.”

(HAMKA 2009: 275)

Selepas Jepun kalah, HAMKA kembali memimpin majalah. Kali ini dengan nama *Mimbar Agama* (1950-1953), pada kemuncaknya beliau memimpin majalah yang dinamakan *Panji Masyarakat* (1959-1981) sehingga ke akhir hayat beliau (Rusydi HAMKA 2010: 388). Boleh dirumuskan bahawa sepanjang tahun 1925 (*Khatibul Ummah*) - 1981 (*Panji Masyarakat*) iaitu selama 56 tahun bergelumbang dalam penulisan dan penerbitan majalah dan buku, HAMKA meninggalkan jejak-jejak sejarah diri, agama, bangsa dan negara Nusantara dalam setiap tulisannya yang jika dikaji layak diangkat sebagai satu urutan sejarah daripada perspektif beliau sendiri. Demikianlah mengapa akhbar dan majalah juga merupakan sumber rakaman sejarah yang penting malah diberikan perhatian khas sebagai satu bidang ilmu sumber persejarahan (Khoo 1985).

Selain daripada tulisan-tulisan yang diterbitkan oleh majalah-majalah yang disebut di atas, HAMKA turut menyumbang tulisan beliau dalam majalah-majalah di Tanah Melayu (kini Malaysia) seperti majalah *Pengasuh* dan majalah *Qalam* (sekadar menyebut beberapa majalah) (Hamedi 2003).

Selain daripada itu, beberapa buah buku beliau juga diterbitkan di Malaysia dan Singapura seperti:

- i. *Karena Fitnah*. 1966. Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- ii. *Pelajaran Agama Islam*. 1967. Kota Bharu: Pustaka Aman Press
- iii. “Pengaruh Islam dalam Sastera Melayu”, dalam *Islam dan Kebudayaan Melayu*. 1978. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- iv. *Dari Perbendaharaan Lama*. 1981. Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- v. *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. 1982. Kuala Lumpur: Pustaka Antara

- vi. *Tafsir Al-Azhar*. 1990. Jilid I-X, Singapura: Pustaka Nasional

Sehingga kini, semakin banyak kajian-kajian dan tulisan ilmiah sama ada di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah serta himpunan kertas-kertas kerja seminar, simposium dan mengangkat HAMKA dan karya-karyanya sebagai subjek kajian (<http://myto.upm.edu.my/find/>). Kajian tersebut pula meluas dalam pelbagai bidang dan disiplin keilmuan sama ada di Nusantara atau di Barat. Selain daripada itu, penerbitan bersifat umum dan separa ilmiah juga semakin banyak termasuk novel-novel yang cuba mengangkat HAMKA dan kehidupannya sebagai watak dalam novel berdasarkan kisah benar tersebut. Antaranya novelnya berjudul *Tadarus Cinta Buya Pujangga* (Akmal Naseri Basral 2013), *Hamka: Ulama, Pemimpin, Sasterawan* (Abdul Latip 2014), *HAMKA: Sebuah Novel Biografi* (Haidar Musyafa 2016) dan *Jalan Cinta Buya* (Haidar Musyafa 2017).

HAMKA juga menulis biografi ayahnya berjudul *Ayahku: Riwayat Hidup Dr. H. Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera* (2015) manakala dua daripada anak HAMKA pula menulis tentang dirinya. Anak sulung HAMKA, Rusydi HAMKA menulis karya berjudul *Peribadi dan Martabat Buya HAMKA* (2010), manakala Irfan HAMKA (2013) menulis biografi berjudul *Ayah... Kisah Masa Muda, Dewasa, Menjadi Ulama, Sastrawan, Politisi, Kepala Rumah Tangga, Sampai Ajal Menjemputnya* (2013).

FAKTOR PERSEKITARAN SOSIAL: ELEMEN PENGARUH KEMANUSIAAN

HAMKA (2009) menulis autobiografinya dengan jujur dan menceritakan dengan telus sesuatu peristiwa yang dilaluinya. Beliau tidak hanya menceritakan sisi baik dalam autobiografi tersebut, namun sisi yang negatif juga diceritakan dengan jelas. Justeru, data-data mengenai elemen pengaruh kemanusiaan mudah diperoleh daripada teks autobiografi berjudul *Kenangan-kenangan Hidup* (1951) itu. Untuk kajian ini, pengaruh faktor persekitaran sosial elemen kemanusiaan yang melibatkan ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan masyarakat menjadi subjek bagi landasan analisis.

IBU BAPA

Nama sebenar ayah HAMKA ialah Muhammad Rasul bin Amrullah, namun panggilan masyhurnya ialah Dr. Abdulkarim bin Amrullah, juga digelar sebagai Haji Rasul, Inyak Di Er atau Dr. HAKA. Beliau juga penerima Doctor Honouris Causa sebagaimana HAMKA. Beliau dilahirkan pada hari

Ahad, 17 Safar 1296 H bersamaan dengan 10 Februari 1879 di kampung Kepala Kabun, Lorong Betung Panjang, negeri Sungai Batang Maninjau dalam Luhak Agam (HAMKA 2016: 97).

Pada peringkat awal iaitu ketika zaman kanak-kanak, HAMKA mengakui dirinya sangat nakal dan suka bermain bersama rakan-rakan sebaya dan seringkali menyebabkan ayahnya marah dan memukulnya. Ayahnya sebagai seorang orang besar dalam masyarakat secara adat sekali gus secara agama sentiasa keras dalam mendidik beliau untuk menjadi orang agama juga. Hal ini menimbulkan pemberontakan dalam jiwa HAMKA yang masih kecil. Hubungan beliau dengan ayahnya semakin tegang apabila ayahnya sering keluar ke Padang dari Padang Panjang untuk berdakwah dan jarang pulang ke rumah, keadaan semakin runcing apabila ayahnya berkahwin lain dan ibunya pula diceraikan oleh ayahnya atas isu adat kekeluargaan. Melihat ibunya yang sentiasa menangis kesedihan meningkatkan rasa marah HAMKA terhadap ayahnya sendiri, malah HAMKA yang berumur 12 tahun ketika itu hidup tidak berumah selama setahun lebih semenjak peristiwa tersebut. Ibunya kemudian dipinang oleh seorang saudagar besar dari Deli dan mengikut suami baharunya, HAMKA dan adik perempuannya ditinggalkan dengan neneknya yang sudah tua (HAMKA 2009: 43-47).

Namun apabila meningkat dewasa, khususnya selepas HAMKA pula dari Makkah pada umur 20 tahun, hubungan beliau dengan ayahnya semakin baik. Dia semakin sedar kedudukan tinggi ayahnya dalam kalangan bukan sahaja masyarakat setempat malah masyarakat Islam di luar Minangkabau khususnya dalam kalangan ilmuwan di Makkah ketika itu. Ayahnya dikenali, dihormati dan dikagumi oleh ilmuwan dan masyarakat di sana. Ayah HAMKA juga semakin berbangga dengan pencapaian HAMKA yang semakin menyerlah dalam bakat kepemimpinan dalam gerakan Muhammadiyah, bakat pidato dan penulisan. Hubungan baik tersebut berterusan antara kedua-duanya, saling mengagumi dan menghormati kelebihan masing-masing meskipun ada perkara yang masing-masing tidak bersetuju antara satu sama lain (HAMKA 2009: 43-47).

Kemuncak kepada kekaguman HAMKA terhadap ayahnya ialah beliau menulis khusus sebuah biografi yang berjudul *Ayahku: Riwayat Hidup Dr. H. Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera* yang diterbitkan buat pertama kali pada tahun 1950, lima tahun selepas kematian ayahnya itu iaitu pada hari Sabtu, jam 5.40 pagi, 21 Jamadilakhir 1364 bersamaan dengan 2 Jun 1945.

Selepas penerbitan kali pertama tersebut, karya tersebut diulang cetak beberapa kali sehinggalah pada tahun 2010 ia diulang cetak oleh Pustaka Dini. Pada tahun 2016 pula karya ini diulang cetak kembali oleh

PTS Publishing House dengan tiga pendahuluan yang berbeza iaitu Pendahuluan 1950, 1957 dan 1963. Berlaku juga banyak pertambahan maklumat apabila HAMKA mula mendapat respons daripada rakan-rakan lama dan murid-murid ayah beliau selepas terbitan awal biografi tersebut, perkara ini dijelaskan dalam dua pendahuluan yang terkemudian. Menurut HAMKA:

“... tidaklah hairan, jika orang pertama yang menjadi lambang citanya adalah ayahnya sendiri. Dan kekaguman ini tidak bertambah kendur setelah dia bertambah dewasa, bahkan bertambah mendalam. Bertambah dia tua, tiap hari cerita tentang kebesaran ayahnyalah yang menjadi buah mulutnya.”

(HAMKA 2009: 120-121)

Ayah HAMKA adalah seorang penulis yang prolific, HAMKA (2016: 427-431) membahagikan karya-karya ayahnya kepada dua bahagian iaitu sebelum ke Mesir dan selepas ke Mesir. Sebelum ke Mesir direkodkan jumlah karyanya adalah sebanyak 15 judul dan selepas ke Mesir sebanyak 12 judul. Terdapat tiga buah manuskrip yang tidak diterbitkan kerana kandungannya yang sangat sensitif berkaitan pemerintah Belanda pada zaman tersebut. Sebahagian karya beliau ditulis penuh dalam bahasa Arab sepenuhnya, selebihnya dalam loghat Minang yang kemudian beransur lebih mirip kepada bahasa Melayu-Indonesia.

Ibu HAMKA dikahwini ayahnya selepas kematian isteri pertama yang merupakan kakak kepada ibu HAMKA ketika mereka ke Makkah, beliau meninggal selepas mendapat seorang anak perempuan. Emak HAMKA yang berusia 15 tahun menggantikan kakaknya sebagai isteri kepada Haji Rasul (gelaran ayah HAMKA). Ketika berumur 16 tahun beliau melahirkan Abdul Malik yang kemudian dikenali sebagai HAMKA. Ketika ayah dan ibunya berpindah ke Padang, hanya kakaknya sahaja yang dibawa. HAMKA ditinggalkan atas permintaan neneknya. HAMKA lebih rapat dengan neneknya berbanding ibunya pada zaman awal kanak-kanak beliau sehinggalah mereka tinggal bersama setelah HAMKA dibawa ke Padang Panjang. Tidak berapa lama kemudian, ibunya dicerai oleh ayahnya (HAMKA 2009: 16).

Pada peringkat awal, elemen pengaruh daripada ayahnya negatif bagi HAMKA yang masih kanak-kanak dan remaja. Seiring dengan kematangan umur dan pemikiran, keadaan berubah apabila HAMKA mula dapat menerima dan memahami ayahnya dengan baik dan sebaliknya ayahnya pula semakin menghargai dan berbangga dengan beliau. Pengalaman membesar bersama ayahnya menghasilkan persekitaran yang bermakna untuk HAMKA, sehingga beliau menjadi pujangga besar juga

hasil kerencaman pengalaman dibesarkan dalam suruhan dan paksaan ayahnya bersama anak-anak murid ayahnya yang lain.

HAMKA hanya dapat bersama ibu kandungnya sehingga dia berusia awal remaja kerana perceraian antara kedua-dua ibu ayahnya, ada beberapa keadaan yang mempengaruhi HAMKA berkaitan ibunya. Antaranya ialah tentang poligami. Kesedihan ibunya setelah ditinggalkan oleh ayahnya menyebabkan HAMKA tidak berpoligami meskipun peluang untuk melaksanakannya sangat terbuka luas, HAMKA hanya berkahwin dengan isteri kedua selepas Siti Raham meninggal dunia. Setelah bersama isteri keduanya itu, HAMKA juga tetap tidak berpoligami hinggalah ke akhir hayatnya. Sikap ini tidak menjadikan HAMKA seorang pendukung fahaman feminisme yang menolak poligami, namun beliau memilih untuk tidak berpoligami meskipun peluang untuk berbuat demikian terbentang di depan mata kesan daripada pengalaman peribadinya. Pegangan beliau poligami boleh difahami melalui tafsiran Surah al-Nisā (4): 3 (HAMKA 2015b: 2/174-203).

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun ini, persekitaran sosial yang baik atau buruk ketika kecil akan mempengaruhi jati diri seorang manusia, persekitaran sosial yang dibina oleh ibu bapa terbukti paling berpengaruh terhadap anak-anak. Islam mewajibkan ibu bapa bertanggungjawab dalam menyediakan persekitaran sosial yang terbaik untuk anak-anak, namun dalam masa yang sama menjadi Sunnatu'Llāh (aturan azali oleh Allah) setiap manusia akan diuji dengan pelbagai ujian sepanjang hidupnya yang akan mempengaruhi pilihan mereka dalam meneruskan kehidupan (Surah al-Baqarah (2): 155).

Usaha ibu bapa menyediakan persekitaran sosial yang terbaik untuk anak-anak sebagaimana yang dilakukan oleh ayah HAMKA menjadi bekal yang paling dasar dalam perkembangan hidupnya. Meskipun ketika membesar beliau diuji dengan perceraian orang tuanya disebabkan tekanan adat sosial dan keluarga belah ayahnya, HAMKA yang kehilangan punca kasih sayang kerana hubungan yang dingin dengan ayah dan terpisah daripada ibu kemudian membina jati diri secara mandiri hasil daripada suasana keilmuan yang ayahnya bina di sekeliling beliau.

GURU-GURU

Guru-guru rasmi dan tidak rasmi HAMKA juga banyak mempengaruhi perkembangan sosial beliau ketika kanak-kanak dan remaja selain daripada ayahnya sendiri. Persekitaran yang HAMKA terpaksa berada di dalamnya meskipun tidak menunjukkan kesan yang positif pada peringkat awal, namun akhirnya persekitaran tersebutlah yang mempengaruhi HAMKA

ketika dewasa sehinggalah beliau menjadi tokoh terbilang dalam pelbagai lapangan penting.

Adat orang Minang, anak lelaki mesti habiskan masa di surau bukan di rumah sendiri. Justeru, dari awal sudah boleh belajar mengaji, surau adalah tempat kebanyakan masa mereka dihabiskan, mereka belajar mengaji al-Quran, belajar kitab-kitab termasuk belajar bersilat. Apabila HAMKA dibawa keluarganya berpindah ke Padang Panjang, dia tidak lagi perlu ke surau kerana gurunya yang baharu ialah kakaknya sendiri, Fatimah. Menurut HAMKA kakaknya itu sangat garang ketika mengajar mengaji, dirinya sering dicubit sehingga dia menangis kesakitan. Namun hasilnya pengajian al-Quran dari surah ke surah kemudian menjadi lancar sehingga dia khatam (HAMKA 2009: 17-18).

Di Padang Panjang ketika berumur sekitar tujuh tahun, pada sebelah pagi HAMKA dimasukkan ke sekolah desa, tidak berapa lama kemudian dia dimasukkan pula ke Sekolah Diniyah atau lebih dikenali sebagai sekolah Arab di Pasar Usang yang ditubuhkan oleh Engku Zainuddin Labay el-Yunusy (1890-1924) pada tahun 1916 pada sebelah petang. Pada tahun 1918 ketika HAMKA berumur 10 tahun setelah tiga tahun bersekolah desa, ayahnya memberhentikannya daripada sekolah itu dan dia disuruh masuk belajar ke madrasah yang ditukar menjadi kelas bernama Madrasah Sumatera Tawalib yang dibangunkan oleh ayahnya sendiri (HAMKA 2009: 27). Kata HAMKA:

“Ayahnya rupanya hendak segera menciptakan keinginan terhadap anaknya yang disayangnya itu supaya menjadi ulama seperti dia kalau besar kelak. Sebab itu dia dikeluarkan dari sekolah desa. Pagi dimasukkan ke Sekolah Diniyah, petang ke sekolah Tawalib.”

(HAMKA 2009: 35)

Engku Zainuddin Labay el-Yunusy dan adik perempuannya Rahmah Labay el-Yunusy adalah dua tokoh pendidikan Islam yang penting di Sumatera daripada kalangan orang Minang dan juga Indonesia. Dampak guru Sekolah Diniyah HAMKA ini besar buat dirinya apabila Engku Zainuddin Labay membuka sebuah kutub khanah yang menawarkan khidmat menyewakan buku yang pelbagai. Ketika berumur 12 tahun, HAMKA melalui fasa dilema dalam dirinya, dalam keadaan takut kepada ayahnya sendiri dan tidak minat dengan pengajian agama selain daripada kursus bahasa Inggeris juga terhenti. Namun apabila gurunya Engku Zainuddin Labay membuka sebuah kutub khanah, menyewakan buku beliau menunjukkan minat membaca yang tinggi. Antara buku-buku yang beliau baca ialah *Volslectuur* (bacaan rakyat, terbitan Pejabat Voor Volkslectuur, didirikan 22-9-1917, di Batavia kemudian dinamakan

Balai Pustaka) buku-buku salinan Tioghoa Melayu; *Tiga Panglima Perang, Graaf De Monte Cristo*, dan banyak lagi buku yang lain. Antaranya ialah *Asia Timur, Kisah Perjuangan RusJapan*. Ada juga surat khabar *Bintang Hindu* memuatkan karangan Dr. A. Rivai di Eropah (HAMKA 2009: 40).

Pasca perceraian ayah dan ibunya, hampir setahun HAMKA hidup terumbang-ambing dan tidak tetap tempat tinggal. Sehingga ayahnya menyuruh beliau masuk ke madrasah Sumatera Tawalib seorang ulama bernama Syekh Ibrahim Musa Parabek (1884-1963) di Parabek, namun beliau hanya sempat belajar di sana beberapa bulan sahaja.

Seterusnya antara guru yang mempunyai pengaruh besar kepada HAMKA adalah abang iparnya sendiri, suami kepada Fatimah yang merupakan tokoh besar Muhammadiyah pada ketika itu Ahmad Rasyid Sutan Mansur atau lebih dikenali sebagai AR Sutan Mansur (1895-1985). Pada asalnya beliau adalah anak murid ayah HAMKA di Sumatera Tawalib, namun kecerdasan beliau itu menarik perhatian guru sehingga beliau dijadikan menantu. Pada tahun 1924 ketika HAMKA berusia 16 tahun, beliau memberanikan diri meminta izin daripada ayahnya untuk berkelana ke tanah Jawa. Apabila ditanya oleh ayahnya mengapa beliau ingin ke Jawa, HAMKA menjawab kerana ingin belajar ilmu agama. Ayahnya sebagai orang alim dan banyak pengalaman mengetahui dan mengatakan bahawa jika mahu belajar ilmu agama bukan di Jawa namun di Minangkabau, kemudian ayahnya dapat mengagak bahawa beliau ingin ke Jawa kerana mahu bersama dengan iparnya, AR Sutan Mansur. HAMKA mengiak dan tanpa diduga ayahnya membenarkan setelah memberikan beberapa pesanan dengan lunak (HAMKA 2009: 60-61).

Ketika di Jogjakarta ini HAMKA didedahkan dengan wacana-wacana keagamaan yang beliau tidak pernah lalui sebelumnya. Corak pengajiannya juga bukan sekadar dalam bentuk hafalan tetapi kepada perbahasan dan wacana. Pada mula beliau hairan mengapa pakciknya sendiri iaitu Ja'far Amrullah begitu tekun mengikuti kelas-kelas yang dianjurkan oleh Serikat Islam saban hari selama dua bulan. Beliau pada mulanya memandang rendah, kerana beliau sendiri lulusan Sumatera Tawalib kelas VII yang setaraf dengan diploma. Lantas HAMKA kemudian ikut serta dalam siri pengajian tersebut. HAMKA mengakui:

“Setelah sebulan si pemuda turut belajar, barulah dia tahu bahawa selama ini dia belum belajar agama. Dia baru belajar nahu dengan memakai kitab Qatar yang dia tidak mengerti. Belajar Bufikah daripada kita Fathul Muin. Yang tinggal dalam fikirannya waktu mempelajari kita itu ialah bagaimana hukumnya, adakala seorang

berjanggut tebal; wajibkah mengalirkan air kepada seluruh anggota wuduknya.”

(HAMKA 2009: 64-65)

Jelas HAMKA lagi:

“Yang agama pada hematnya yang sudah-sudah ialah belajar mendebat dan mengalahkan Kaum Tua dalam perkara usalli; atau talkin. Ini lain sama sekali. Pagi- paginya telah dibawa Bapa kecilnya itu belajar tafsir ke rumah Kiai Haji Hadikasumo (Ki Bagus Hadikasumo). Mula belajar, dia enggan. Sebab di Padang dia sudah mulai belajar Tafsir Muhammad Abduh, padahal Ki Bagus hanya mengajar dengan memakai Tafsir Baidhawi, Bahasa Melayu (Jawi); tetapi lama-lama dia merasa bahawa di Padang Panjang dia belum belajar tafsir, baru belajar membaca matan tafsir itu, dengan tidak boleh salah nahunya. Kalau guru menyuruhnya membaca, mujurlah dia kalau betul baris dari antara 10 baris. Tetapi dengan Ki Bagus, maksud satu-satunya ayat itu yang dikupas.

(HAMKA 2009: 65)

HAMKA dan pakciknya masuk menjadi anggota Serikat Islam bagi memenuhi syarat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh organisasi tersebut. Antara tenaga pengajarnya adalah H. O. S. Tjokroaminoto yang mengajar Islam dan Sosialisme (yang bahan pengajaran itu kemudian dibukukan oleh beliau), R. M. Suryapranoto yang terkenal dengan gelaran Raja Mogok mengajar Sosiologi. H. Fakhruddin yang merupakan pimpinan besar Muhammadiyah mengajar Agama Islam.

Selepas setahun, pada Jun 1925 ketika HAMKA berusia 17 tahun dia diminta pulang ke Padang Panjang. Kepulangannya membawa segala isi pengalaman dan pergaulan dalam setiap daripada pidato-pidato dan tablighnya malah dirinya tidak gentar bagi menyampaikan isi fikiran dan rasanya di hadapan khalayak ramai apatah lagi setiap daripada penyampaiannya penuh dengan nalar rasa yang baharu. Pengaruh pemikiran dan cara memahami wacana Islam yang baharu ini ternyata adalah hasil daripada melazimi guru-guru beliau Tjokroaminoto, Suryapranoto, Fakhruddin, Hadikusumo, Sutan Mansur daripada daripada rahim Serikat Islam, HAMKA kemudian berkhidmat kepada Muhammadiyah (HAMKA 2009: 70-71).

RAKAN SEBAYA

Dalam konteks pengaruh rakan sebaya, HAMKA tidak berbeza dengan anak-anak yang lain pada zamannya. Kawan-kawan surau, kawan-kawan sekolah desa, rakan sekelas dan semadrasah Sumatera Tawalib yang kebanyakan lebih tua daripada diri dan merupakan anak-anak murid ayahnya. Dalam kebanyakan keadaan dialah yang menjadi pengaruh kepada mereka bukan sebaliknya. Oleh kerana kedudukan keturunan beliau dan ayah beliau dalam masyarakat, meskipun masih kanak-kanak beliau sudah ada pengaruhnya yang tersendiri dalam kalangan rakan sebaya.

Menurut AR Sutan Mansur dalam pengantar buku *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya HAMKA*, dari kecil lagi HAMKA sudah menunjukkan ciri-ciri akan menjadi orang besar pada masa depan. Antara yang paling menonjol adalah kata-kata dan buah fikirannya selalu didengar oleh teman-teman sebayanya. Keadaan ini menjadikan beliau sentiasa menonjol dalam pergaulan sesama rakan sebaya mahupun dengan teman-teman yang lebih berumur. Namun AR Sutan Mansur menyatakan sedikit kekesalan kerana ayah mereka tidak dapat mengesan hal ini dari awal sehinggalah pada tahun 1925 ketika AR Sutan Mansur tinggal di Pekalongan, HAMKA mengunjungi beliau sekeluarga, dan bermula dari situlah AR Sutan Mansur yang sudah menjadi pemimpin gerakan Muhammadiyah mendidik dan mengkaderkan HAMKA sehingga potensi kepemimpinannya dapat digilap dan dimanfaatkan secara maksimum. Demikian catatan AR Sutan Mansur dalam pengantar buku tersebut yang bertarikh 15 November 1977 iaitu empat tahun sebelum kewafatan HAMKA (Yayasan Nurul Islam 1978: xiii).

MASYARAKAT

Faktor masyarakat dan adat Minangkabau memang memberikan kesan mendalam dalam hidup HAMKA. Dalam *Kenang-kenangan Hidup* ada beberapa keadaan menunjukkan HAMKA begitu sinis terhadap adat dan masyarakat termasuk ahli keluarga adat ninik-mamak yang menjadi punca perceraian ayah dan ibunya. Hal perceraian ayah dan ibunya adalah hal adat suku masing-masing, rundingan berlaku antara dua suku yang akhirnya gagal mencapai kata sepakat. Ketika HAMKA ditanya mahu tinggal bersama ayah atau ibunya, dia tidak menjawab dan berada cukup sedih sehingga menangis sendirian di dapur. Ibu-ibu tiri dan ninik-mamak yang iri dan berendam terhadap ibunya terlihat senyum puas hati. Kata HAMKA:

“Adakah orang yang berusaha memujuk tangisnya? Tidak, orang merasa puas hati atas kejadian itu. Ibu tiri, adik dari lain ibu, saudara ayah, kemenakan ayah, hanya lawan belaka. Runtuh segala kegembiraan hati selama ini. Tidak tentu lagi pelajaran dan sekolah. Tidak berketentuan lagi mengaji dan belajar. Tidak ada lagi temannya sebagai tempat meluahkan perasaan hatinya. Kerana pengaruh susunan masyarakat, adat, ayahnya sendiri dirasa bukan ayahnya lagi.”

(HAMKA 2009: 45)

Hal ini dapat dikesan dalam karya-karya beliau yang bersifat fiksi seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2015), *Merantau ke Deli* (2015), *Di Bawah Lindungan Kaabah* (2015) dan lain-lain yang kental dengan unsur kritik sosial dan adat. Kritikan HAMKA berterusan dalam karya-karya beliau yang bersifat sejarah dan falsafah keagamaan seperti *Islam dan Adat Minangkabau* (2006) yang ditulis pada era revolusi iaitu antara sehingga menimbulkan pelbagai reaksi daripada kalangan masyarakat khususnya daripada kalangan pemimpin adat. Dalam pengantar buku tersebut HAMKA berkata:

“Ketika buku ini mulai tersiar nescaya pihak ninik-mamak yang berfahaman kolot dengan serta-merta menyatakan kemarahannya, malahan ada pula yang bermaksud hendak menculik penulis kerana dipandang hendak membunuh adat.”

(HAMKA 2006: 3)

Dalam konteks HAMKA, pengaruh persekitaran sosial yang berkaitan dengan masyarakat umum dan adat resam kemasyarakatan menonjolkan sisi negatif di samping sisi positifnya. Antara tema utama karya-karya HAMKA sama ada karya kreatif dan bukan kreatif adalah terfokus kepada kritikan-kritikan sosial yang bersabit dengan adat resam masyarakat Minangkabau. Ini adalah kerana, pertembungan adat dan syariat dalam kalangan masyarakat Minang pada zaman tersebut masih sangat meluas dan sering kali adat dilihat mengatasi syariat dalam banyak urusan kehidupan seharian. Kaum Tua pula tidak setanding dengan Kaum Muda dari segi keagresifan menyatakan ketidaksetujuan dan mahu melakukan pembaharuan pemikiran dan praktis dalam hal-hal berkaitan dengan adat. Perjuangan kaum agama dalam menyedarkan masyarakat dirakam oleh HAMKA dalam biografi ayahnya, jelas pada sub tajuk karya tersebut ditulis ‘*Riwayat Hidup Dr. H. Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera*’ (HAMKA 2015a).

FAKTOR PERSEKITARAN SOSIAL: ELEMEN PENGARUH BUKAN KEMANUSIAAN

Selain daripada faktor persekitaran sosial daripada elemen kemanusiaan, faktor persekitaran sosial daripada elemen bukan kemanusiaan juga mempunyai pengaruh yang besar pembinaan jati diri insan khususnya tokoh-tokoh besar. Pengaruh elemen bukan kemanusiaan yang terdiri daripada media cetak seperti buku, akhbar dan majalah selain daripada kitab-kitab ilmu-ilmu Islam yang terpaksa belajar ini diceritakan oleh HAMKA dengan jelas dalam autobiografinya itu.

MEDIA

Pendedahan awal HAMKA terhadap bahan bacaan di luar daripada skop kitab-kitab pengajian di Sumatera Tawalib dan Sekolah Diniyyah melalui kutub khanah Engku Zainuddin Labay, Zainoro serta dipaksa mengaji kitab-kitab besar ilmu-ilmu Islam oleh ayahnya ketika di Sumatera Tawalib seperti kitab *Matan al-Ajrummyah* (nahu), *Matan Taqrib* (fiqh), *Hadis Arbain* (hadis), *Mukhtasar* (nahu), *Kaalani* (sorof), *Fath al-Qarib* (fiqh), *Qatrun Nada'* (nahu), *Kawakib* (nahu), *Taftazani* (sorof), *Bajuri* (fiqh), *Fath al-Mu'in* (fiqh), *I'anat al-Talibin* (fiqh) dan banyak lagi (HAMKA 2009: 36-37).

Kata HAMKA mengenai khutub khanah tersebut:

“Entah bagaimana asal mulanya, kawan kita tidak ingat lagi. Setiap petang dia akan datang ke perpustakaan itu meminjam buku, setiap hari. Sewa buku mahal. Umumnya dua hari lima sen setiap buku. Belanjanya dari rumah satu bengol satu hari. Sekarang kawan kita sudah pandai berjimat. Belanja dua hari dikumpulkan untuk menyewa buku. Tetapi banyak di antara buku, sehari sudah tamat. Bagaimana akal?” HAMKA juga menceritakan bagaimana dirinya sering bermain di hadapan sebuah kilang cetak bernama Badeszt di Padang Panjang milik Engku Bagindo Sinaro yang juga merupakan rakan kongsi kepada Engku Zainuddin Labai dalam membuka kutub khanah menyewa buku itu, sebab itu namanya Zainoro iaitu gabungan Zainuddin dan Sinoro. Setiap hari HAMKA akan berkunjung ke sana dan beliau ringankan tulang melipat kertas, membelikan kopi lalu sebagai imbalan beliau meminta keizinan bagi membaca buku-buku baru setiap hari.

(HAMKA 2009: 40-41)

Hal ini telah memberikan satu kesan yang mendalam dalam hidup HAMKA hasil daripada bacaan-bacaannya itu. HAMKA mengekspresikan bahawa khayalannya yakni pemikiran menjadi terbuka semenjak membaca buku-buku pelbagai genre tersebut. Namun apabila ayahnya mengetahui kecenderungan beliau dalam membaca buku-buku cerita bukannya kitab-kitab pengajian beliau telah ditegur dengan agak tegas oleh ayahnya. Ayahnya bertanya sama ada beliau ingin menjadi ulama atau tukang cerita? Hal tersebut tidak menghalang HAMKA untuk terus membaca buku-buku tersebut (HAMKA 2009: 41).

Pembacaan buku-buku cerita dan roman serta akhbar harian *Cahaya Sumatera*, *Sinar Sumatera* dan *Hindia Timur* itu menjadi sumber dorongan utama HAMKA untuk memberanikan diri merantau keluar dari kampungnya. Selain daripada itu, kehidupan beliau di samping ayahnya tidak berapa baik kerana hubungan mereka yang masih dingin. Cubaan kali pertama untuk pergi ke Jawa tanpa kebenaran ayahnya gagal apabila beliau dijangkiti penyakit cacar di pertengahan jalan. Tidak lama selepas itu beliau diuji pula dengan penyakit Valoria dan Malaria. Akhirnya beliau dibawa orang balik semula dan selepas dua bulan baru sakitnya benar-benar sembuh (HAMKA 2009: 57-58).

Peristiwa tersebut tidak melunturkan semangat HAMKA, dari satu sudut semangat beliau untuk mengembara semakin tinggi sesuai dengan umurnya yang sudah mencecah 15 tahun pada ketika itu. Kata HAMKA:

“Tetapi rupanya dalam jiwa anak ini [HAMKA] tersimpan sesuatu yang tidak pernah mati, yang tidak pernah padam. Di dalam seluruh hidup yang telah dilaluinya, sentiasa mendorongnya untuk maju. Iaitu tampang atau bakat percaya kepada diri sendiri. Tumbuh capuk di mukanya dan kebencian orang kiri kanan menyebabkan tumbuh suatu yang lain, iaitu menimbulkan, membangkitkan diri dari segi yang lain. Membaca, belajar, mencatat apa-apa yang dirasakan penting. Kadang-kadang ayat-ayat Quran pun disalinnya ke dalam notanya.”

(HAMKA 2009: 59)

Pada tahun 1927, sekali lagi HAMKA mengambil keputusan untuk mengembara. Ketika itu HAMKA berumur 19 tahun, beliau yang sudah pulang dari Jawa selepas beberapa lama di sana mula membina hubungan baik dengan ayahnya. Bakat mengarang dan berpidato mula menyerlah dan ini menimbulkan kebencian orang sekeliling atas kelebihan atau kekurangan dirinya. Selain daripada itu, faktor gadis tunangannya dari sejak kecil yang berkahwin dengan orang lain yang lebih kaya juga memberi tamparan

yang hebat buat jiwa muda HAMKA. Sekali lagi HAMKA membuat keputusan besar dan kali ini beliau mengembara sendirian ke Makkah tanpa memaklumkan kepada ayahnya. Beliau ke Makkah dengan persediaan kewangan yang cukup minimum, cabaran-cabaran yang dilalui sepanjang sampai Makkah. Apabila berada di Makkah, beliau telah bekerja sambilan di sebuah perusahaan penerbitan buku-buku bahasa Melayu bertulisan Jawi dan buku bahasa Arab milik Tuan Hamid Kurdi, mertua kepada Shaykh Ahmad Khatib al-Minangkabau (HAMKA 2009: 92).

Selain daripada dapat belajar adat istiadat orang Arab, HAMKA beroleh peluang menelaah mana-mana kitab yang ada dalam gudang itu secara percuma sehingga pemilik gedung itu mengesani minat HAMKA terhadap buku-buku itu apabila terserempak beliau sedang membaca sebuah buku yang agak tinggi nilai perbahasannya berjudul *al-Siyasah al-Ushbu'iyah*. Kemudian pemilik gedung percetakan itu mengetahui bahawa HAMKA adalah anak kepada Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah yang juga merupakan anak murid kepada Shaykh Ahmad Khatib al-Minangkabau, lantas beliau memberikan jaminan jika beliau ingin terus berada di sana bagi bekerja dan belajar (HAMKA 2009: 93-94).

Setelah HAMKA tinggal di Makkah selama setahun lebih, beliau kemudian pulang dan bertemu semula dengan ayahnya. Hubungan mereka mulai bertambah baik, tidak berapa lama kemudian lahirlah karya beliau yang pertama dalam bentuk buku iaitu sebuah penulisan fiksyen berbentuk kaba (cerita) adaptasi daripada kisah benar yang berlaku dalam masyarakat Minang berjudul *Si Sabariah* (HAMKA 2009: 156-171). Pada tahun yang sama, tanggal 5 April 1929 ketika berusia 21 tahun, HAMKA telah dinikahkan atas aturannya dengan Siti Raham yang ketika itu berusia 15 tahun (HAMKA 2009: 109-112).

KESIMPULAN

Faktor persekitaran sosial pengaruh elemen kemanusiaan yang paling besar dalam membentuk jati diri HAMKA ialah ayahnya sendiri, guru-guru dan latar sosiobudaya masyarakat Minang. Hal ini dibuktikan daripada perkongsian HAMKA dalam buku satu *Kenang-kenangan Hidup* (2009) sebagaimana yang dikemukakan. Beliau turut menulis dan mengongsi hal ini dalam pelbagai judul karyanya yang lain sama ada secara khusus atau secara sepintas lalu. Secara relatif pengaruh persekitaran sosial yang positif daripada elemen kemanusiaan tersebut berlaku secara semula jadi kerana unsur pemaksaan daripada ayah beliau yang sangat tegas dalam hal-hal berkaitan pendidikan yang menyebabkan HAMKA terpaksa melalui pengalaman-pengalaman tersebut.

Jati diri HAMKA sebagai seorang pemuda Islam yang bersemangat mahu menyumbang untuk agama, bangsa dan negara serta membelanya daripada anasir-anasir luar yang merosakkan sama ada berbentuk pemikiran atau fizikal adalah hasil daripada pengaruh pembelajaran lanjutan daripada guru-guru dalam perkumpulan Islam yang beliau libatkan diri kemudiannya. Kemuncaknya HAMKA menjumpai matlamat hidupnya yang beliau perjuangkan hingga ke akhir hayatnya.

Persekitaran sosial sepanjang bergaul dan berguru dengan guru-guru yang kuat jati diri benar-benar memberikan dampak kepada jati diri HAMKA khususnya ayahnya dan abang iparnya sendiri. Seterusnya ketika di Sumatera Tawalib dan Madrasah Diniyyah seterusnya di peringkat remaja ketika beliau melibatkan diri dengan organisasi massa Islam di Jogjakarta.

Manakala elemen bukan kemanusiaan khusus media cetak berbentuk buku, majalah dan surat khabar juga menjadi elemen penting yang membina peribadi dan membentuk jati diri beliau selain pendidikan yang dilalui ketika zaman kanak-kanak dan remajanya. Meskipun pada asasnya, kaedah ini merupakan satu bentuk cubaan melarikan diri daripada realiti (*escapism*) yang beliau terpaksa hadapi atas arahan ayahnya, namun manfaat daripada penerokaan bahan bacaan yang pelbagai sewal usia remaja itu ternyata memberi manfaat yang besar dalam pembinaan jati diri HAMKA yang kemudian menjadi pendakwah lisan dan tulisan sehingga akhir hayat beliau.

Secara eksplisit dan implisit HAMKA membesar dalam suasana persekitaran sosial yang mesra dengan tradisi ilmu dan keilmuan Islam serta bahan bacaan yang banyak. Daripada ayahnya seorang ulama besar yang mempunyai koleksi kitab dan penulisan karya tersendiri, seterusnya kewujudan kutub khanah yang memberikan pilihan bahan bacaan yang pelbagai selain daripada paksaan untuk belajar dan membaca kitab-kitab muktabar dalam Islam akhirnya membentuk jati diri HAMKA dalam bidang keilmuan Islam meskipun keadaannya bercampur-aduk antara terpaksa dan rela. Hal ini membuktikan pandangan Ibn Khaldun dan sarjana-sarjana lain mengenai kepentingan membina persekitaran yang baik adalah betul kerana kesannya yang signifikan kepada jati diri seorang insan.

RUJUKAN

- Abdul Latip Talib. 2014. *HAMKA: Ulama, Pemimpin, Sasterawan*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Abdullah Ahmad. 2015. *Mahathir's Selected Letters to World Leaders Vol. One*. Shah Alam: Marshall Cavendish.
- Afif HAMKA & Akmal Sjafril. 2020. "Ini perlakuan rakyat malaysia terhadap ulama Indonesia/ nusantara".

- <https://www.youtube.com/watch?v=4CxApqJbZw4>. Diakses pada 13 Jun 2021
- Akmal Naseri Basral. 2013. *Tadarus Cinta Buya Pujangga*. Bandung: Salamadani.
- H.A. Hafizh Dasuki, Hasan Muarif Ambary, Nurcholish Madjid, Zakiah Daradjat & H. Ridlo Masduki. 1993. *Ensiklopedi Islam*, Jil. 2. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Rusydi HAMKA. 2010. *HAMKA Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- H. Shobahussurur, Joko Windoro, Yusran Rusydi, Nurbowo, Abdulrahman Gayo, Abdulrahman ZISC & Damanhuri Zuhri. 2008. *Mengenang 100 Tahun Haji Abdul Malik Karim Amrullah HAMKA*. Kebayoran Baru: Yayasan Pesantren Islam Al-Azhar.
- Haidar Musyafa. 2016. *Hamka: Sebuah Novel Biografi*. Bukit Cirendu: Penerbit Imania.
- Haidar Musyafa. 2017. *Jalan Cinta Buya*. Bukit Cirendu: Penerbit Imania
- Hamed Mohd Adnan. 2003. *Penerbitan Majalah di Malaysia: Isu-Isu dan Cabaran*. Shah Alam: Penerbitan Kharisma.
- HAMKA. 2009. *Kenang-Kenangan Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- HAMKA. 2015a. *Ayahku: Riwayat Hidup Dr. H. Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- HAMKA. 2015b. *Tafsir Al-Azhar*. Kota Depok: Gema Insani.
- Haseena Banu Abdul Kalam. 2016. Pengaruh Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Disiplin Murid Sekolah Renda di Klang. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. 2002. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irfan HAMKA. 2013. *Ayah... Kisah Masa Muda, Dewasa, Menjadi Ulama, Sastrawan, Politisi, Kepala Rumah Tangga, Sampai Ajal Menjempunya*. Jakarta: Republika Penerbit.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 1985. *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Mardhiyah Zamani & Nurazan Mohmad Rouyan. 2016. Pengaruh serta peranan ibu bapa dalam pembentukan personaliti dan keperibadian Syed Qutb: Analisis autobiografi "Kisah Seorang Anak Kampung". *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 1 (2): 106-115.

- Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff. 2018. Pembentukan jati diri remaja melalui pembelajaran persekitaran sosial: analisis menurut perspektif al-Quran. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 5 (2): 216-230.
- Roosfa Hashim. 2016. *Panduan Menulis Memoir Autobiografi & Biografi*. Serdang: Penerbit UPM.
- Shamsul Nizar. 2008. *Memperbincangkan Dinamika Intelektual dan Pemikiran Hamka Tentang Pendidikan Islam*. Jakarta: Kencana.
- Yayasan Nurul Islam. 1978. *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya HAMKA*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noraizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 155-172.

Penulis:

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi
*Pengarang Koresponden
Calon Doktor Falsafah Peradaban Islam
Institut Islam Hadhari
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: zahiruddin zabidi@iium.edu.my

Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah
Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: tokwedin@ukm.edu.my